

FITNAH berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud kekacauan, bencana, cubaan atau penyesatan. Dalam situasi masyarakat pada hari ini, kata fitnah itu memberi maksud suatu berita bohong atau tuduhan yang diadakan untuk membina seseorang.

Namun, pengertian fitnah daripada definisi Islam mempunyai maksud yang lebih luas. Ia mempunyai persamaan dengan *ghibah* (mengumpat). Bezanya, *ghibah* membicarakan keburukan orang lain berdasarkan kenyataan, sedangkan fitnah berunsur pembohongan. Namun, kedua-duanya diucapkan untuk maksud yang tidak baik.

Hal itu sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadis baginda: "Wahai Rasulullah, apakah *ghibah* itu? Lalu Rasulullah menjawab: 'Menyebut sesuatu yang tidak disukai saudaramu semasa ketiadaannya.' Kemudian sahabat kembali bertanya; 'Bagaimana jika apa yang disebutkan itu benar?' Rasulullah kemudian menjawab; 'Sekiranya yang disebutkan itu benar, maka itulah *ghibah*, tetapi jika hal itu tidak benar, maka engkau telah melakukan buahan (kebohongan besar).' (Riwayat Muslim, Abu Daud dan At-Tirmidzi)

Al-Ghazali dalam membicarakan tentang fitnah, beliau menyamakan fitnah sama erti dengan al-Namimah yang bermaksud membesar-besarkan perihal seseorang kepada pendengar-pendengar lain. Biasanya, dalam proses membesar-besarkan berita itu, terdapat penambahan yang tidak benar atau biasanya manusia yang lemah imannya suka menyebar cerita-cerita yang sensasi dengan pembohongan. Sebab itu, al-Namimah terkandung di dalamnya fitnah dan mengumpat. Cuma perbezaan antara keduanya ialah fitnah lebih buruk dosanya daripada mengumpat.

Hukum fitnah

Islam amat benci kepada manusia yang melakukan fitnah ke atas orang lain. Banyak ayat al-Quran dan hadis menjanjikan balasan buruk yang bakal diterima mereka yang suka membuat fitnah tersebut.

Dalam surah al-Nur, ayat 11, ALLAH SWT menyatakan, sesiapa yang terlibat dengan membesar-besarkan cerita bohong akan mendapat azab yang sangat besar.

Fitnah ALLAH SWT: "Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan daripada



SETIAP perkataan dan perbuatan seorang manusia akan dipertanggungjawabkan di hadapan ALLAH SWT pada hari akhir kelak.

Fitnah undang perpecahan, perbalahan



Majlis Agama Islam Selangor

“Islam amat benci kepada manusia yang melakukan fitnah ke atas orang lain. Banyak ayat al-Quran dan hadis menjanjikan balasan buruk yang bakal diterima mereka yang suka membuat fitnah tersebut.”

kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).” (Surah al-Nur, ayat 11)

Ini diperteguhkan lagi oleh-Nya menerusi satu lagi ayat al-Quran: “Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci dan pengeji.” (Surah al-Humazah, ayat 1)

Imam al-Ghazali menjelaskan, humazah itu ditujukan kepada pengumpat dan pembawa fitnah. ALLAH SWT digambarkan oleh Rasulullah SAW sebagai begitu murka kepada

pembawa fitnah sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

“Dan orang yang paling dimurka ALLAH SWT ialah orang yang membawa fitnah, memecah belah di antara persaudaraan dan mencaci orang yang tidak bersalah terhadap kesalahan yang tidak dilakukannya.” (Riwayat al-Tabrani)

Berdasarkan penjelasan al-Quran dan hadis tadi, jenayah memberikan implikasi yang besar bukan sahaja memporak-perandakan umat Islam daripada mencapai kecemerlangan dunia, bahkan menyebabkan mereka yang suka fitnah-menfitnah dibenci dan dimurka ALLAH SWT.

Dalil yang dinyatakan juga membuktikan haramnya perbuatan tersebut dan pentingnya umat Islam menjauahkan diri daripada terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam jenayah tersebut.

Waspada

Umat Islam hendaklah sentiasa meyakini bahawa setiap perkataan dan perbuatan kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan ALLAH SWT pada hari akhirat kelak. Di samping itu, syariat Islam juga melarang umatnya daripada menyebarkan fitnah kerana fitnah boleh menimbulkan perpecahan dan perbalahan.

Sebagai seorang Muslim yang bertanggungjawab, kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan terlebih dahulu menyelidik setiap sebaran berita yang diterima. Seperkara lagi, jangan terlalu mudah menyampaikan sesuatu



SEBAGAI seorang Muslim yang bertanggungjawab, kita hendaklah sentiasa berwaspada dengan menyemak setiap berita yang diterima sebelum menyebarkannya. -Gambar hiasan.

berita yang tidak memberi manfaat yang baik kepada ajaran Islam dan umat Islam itu sendiri.

Bahkan, Rasulullah SAW melarang umatnya bercerita tentang setiap perkara yang disampaikan tanpa tabayun atau soal selidik kesahihannya terlebih dahulu sebagaimana disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW.

Daripada Hafs Bin 'Asim, beliau berkata, baginda SAW bersabda: “Cukuplah seseorang (dianggap) berbohong apabila dia menceritakan semua yang dia dengari.” (Riwayat Muslim)



JAUHILAH fitnah kerana mereka yang gemar melakukan perbuatan itu dibenci dan dimurka ALLAH SWT. -Gambar hiasan.



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy